

# Buku perikanan diterbitkan

RIDAUDIN DAUD

SERDANG

Jabatan Perikanan Malaysia melancarkan 10 buah buku hasil kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), pagi semalam.

Buku tersebut yang berkisarkan kepada aspek teknikal dan deskripsi jenis-jenis ikan dilancarkan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2018 (MAHA2018).

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, pihaknya bercadang untuk mengeluarkan versi dwibahasa bagi buku berkenaan tidak lama lagi.

"Kita melancarkan buku-buku berupa teknikal dan buku yang lebih kepada deskripsi jenis-jenis ikan dengan kerjasama DBP. Buku ini bukan hanya kita akan keluar dalam negara tapi buku ini juga kita akan cuba hasilkan versi dwibahasa untuk pasaran luar negara.

"Saya percaya ia akan laksanakan lagi pasaran buku ini

memandangkan sektor perikanan kini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat," katanya kepada Sinar Harian selepas majlis pelancaran buku tersebut di Laman Perikanan, di sini, semalam.

Tambah beliau, masyarakat Barat memandangkan tinggi teknologi perikanan dan penghasilan buku berkenaan pastinya mendapat perhatian banyak pihak.



Salahuddin melancarkan Buku Teknikal Perikanan bersama Dewan Bahasa Pustaka di Laman Perikanan sempena MAHA 2018 di MAEPS. Turut serta ialah Munir (kiri) dan Abg. Sallehuddin.



ABG. SALLEHUDDIN

MUNIR

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) DBP, Datuk Abang Sallehuddin Abang Shokeran berkata, pihaknya menyambut baik

hasrat Jabatan Perikanan Malaysia yang mahu menerbitkan buku berkenaan dalam bahasa lain.

Menurutnya, beliau akan berbincang dengan jabatan berkenaan dan berhasrat menghasilkan buku bertaraf dunia agar boleh

dipasarkan ke luar negara.

"Kita berterima kasih kepada Jabatan Perikanan kerana kepakaran datangnya dari mereka, kami menyokong

## MENARIK DI LAMAN PERIKANAN

- Pameran info ikan jerung
- Pancing udang galah
- Rumah Nelayan Terbalik
- Pameran ikan air tawar
- Pameran ikan hiasan
- Kema gergasi, replika tulang ikan paus
- Jualan produk berasaskan ikan

dari segi penerbitan buku-buku tersebut.

"Berkenaan buku dwibahasa, kita akan berbincang dengan mereka. Saya lihat ada beberapa judul boleh diterbitkan dalam bahasa Inggeris," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya juga akan cuba menerbitkan buku-buku tersebut dalam bentuk digital namun semuanya perlu melalui proses perbincangan dengan jabatan berkenaan terlebih dahulu.

"Kita akan teruskan usaha ini. Buku panduan seperti ini, ada ramai yang nak tahu. Kita cari kaedah yang dipermudahkan supaya boleh digunakan sebaiknya," katanya.

FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM